



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (27 SEPTEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Lawas. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat sebanyak 706 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu Yang Dikesan (Kes 705 dan Kes 706)

Kedua-dua kes ini merupakan lelaki warganegara tempatan yang bertugas sebagai petugas barisan hadapan di Pos Sempadan Sarawak-Sabah di Merapok, Lawas. Mereka telah disaring pada 20 September 2020 kerana disyaki mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 semasa bertugas di pos sempadan tersebut. Sampel saringan kes-kes ini telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Sabah dan ujian rT-PCR pada 26 September 2020 mendapati sampel saringan mereka adalah positif dengan COVID-19.

Seorang daripada kes ini telah menunjukkan tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19 pada 7 September 2020. Seorang lagi kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kedua-dua kes telah dirujuk ke Hospital Miri pada hari ini untuk rawatan lanjut.

Siasatan awal menunjukkan kedua-dua kes tidak mempunyai sejarah perjalanan keluar negara atau melawat kawasan berstatus merah di Sabah. Punca jangkitan kes-kes ini masih dalam siasatan lanjut dan hasil siasatan awal menjurus kepada berkemungkinan telah mendapat jangkitan semasa menjalankan tugas sebagai petugas barisan hadapan di pos sempadan.

Selain daripada bekerja di tempat sama, penemuan siasatan awal juga mendapati kedua-dua kes ini tidak mempunyai hubung kait yang sama. Justeru, siasatan lanjut masih perlu dijalankan untuk menentukan wujudnya sebuah kluster COVID-19 baharu dalam kalangan mereka. Pengesanan kontak rapat kepada kes ini juga sedang giat dijalankan termasuk kontak keluarga, tempat kerja dan kontak sosial.

B. Status Kes COVID-19 di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tiada** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekalkan seramai 681** orang atau **96.46%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **enam (6)** orang iaitu tiga (3) kes di Hospital Miri dan masing-masing satu kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, Hospital Bintulu dan Hospital Sungai Buloh, Selangor. **Tiada kes** COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. Dimaklumkan

juga terdapat satu (1) kes yang dilaporkan di Sandakan, Sabah yang sedang menerima rawatan di Hospital Bintulu.

Tiada kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.69%**.

Hari ini **dua (2) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada kes** PUI yang menunggu keputusan ujian makmal.

2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **empat (4) notis** kompaun di Kuching (3) dan Kota Samarahan (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **109 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (30), MD Marudi (30), SMC (20), MD Serian (10), DBKU (8), MDMJ (7) dan MPKS (4).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,320 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (165), Restoran (266), Kilang (4), Bank (88), Pejabat Kerajaan (49), Penjaja (29), Pasar Tani/Awam (62), Tempat Ibadah (59), Tempat Riadah (32), Tapak Pembinaan (6) dan lain-lain (560).

Seramai **555 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (284), ATM (36), RELA (117), APM (89) dan PBT (29).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **2,060** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

27 SEPTEMBER 2020

4.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	704	Kes sedang dirawat di hospital	6	0.85%
Kes Baharu	2	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	108,866	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	706	Jumlah kes kematian	19	2.69%
IR per 100,000 penduduk	22.89	Kes telah sembuh dan discaj	681	96.46%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	0	9,001	2	9,707
Menunggu keputusan	0	0		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	1	0	1	3	1	6
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	35	38	32	1
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	2	17	2	4	0	1	0	0	3	3	3
2	Kuching	0	6,445	0	430	0	416	0	12	2	2	1
Jumlah		2	6462	2	434	0	417	0	12	5	5	4

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	307	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	0	288	0	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	245	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	175	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	0	561	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Sibu	0	108	0	11	0	11	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	833	0	24	0	23	0	1	0	0	0
12	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	47	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	3,245	0	272	0	264	0	7	1	1	0

Jumlah Besar	2	9,707	2	706	0	681	0	19	6	6	4
---------------------	----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	----------	----------	----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **248** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **820 orang**. Manakala seramai **24,545 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (518)	Hock Lee	127
2		Harbour View	185
3		Riverside (Astana Wing)	206
4	Miri (154)	Eastwood Valley	58
5		Dynasty	96
6	Bintulu (25)	Wasan Inn	12
7		Motel Kapok	6
8		Faber Inn	7
9	Limbang (14)	Purnama	3
10		Mandarin (Lawas)	11
11	Sibu (109)	Premier	109
Jumlah PUS			820

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **8 lokasi di Serian (1), Betong (1) dan Sibul (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,661 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	TIADA	518
2	Miri	TIADA	303
3	Sibu	1	167
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	108
7	Limbang	TIADA	77
8	Serian	1	60
9	Betong	1	54
10	Kapit	TIADA	49
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
Jumlah Keseluruhan			1,661

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **40 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	4
2	MP Padawan	2
3	MD Serian	3
4	MDSA	5
5	MP Sibul	10
6	MCC	13
7	MD Marudi	3
Jumlah		40